

KEUNTUNGAN BERSIH SUNWAY REIT NAIK RM91.97 JUTA PADA SUKU KETIGA

 bernama.com/bm/news.php

SUNWAY® **REIT**

16/11/2023 06:58 PM

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Keuntungan bersih Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) kepada RM91.97 juta berbanding RM91.91 juta pada suku yang sama tahun lepas bagi suku ketiga berakhir 30 September 2023.

Sunway REIT dalam makluman kepada Bursa Malaysia berkata pendapatannya meningkat enam peratus tahun ke tahun kepada RM175.84 juta berbanding RM166.24 juta setahun lalu.

Sementara itu dalam satu kenyataan berasingan, Sunway REIT Management Sdn Bhd, pengurus Sunway REIT berkata pendapatan hartanah bersih (NPI) berkembang tujuh peratus kepada RM136.8 juta untuk tempoh di bawah kajian berbanding RM128.2 juta pada suku ketiga 2022.

Semua segmen mencatatkan hasil dan NPI yang lebih tinggi kecuali segmen perkhidmatan disebabkan oleh pelupusan Sunway Medical Centre (Tower A dan B) yang selesai pada Ogos 2023.

Seiring dengan peningkatan pendapatan, NPI meningkat 53 peratus kepada RM26.9 juta daripada RM17.5 juta pada suku ketiga 2022 disebabkan oleh perjalanan domestik yang kukuh pada musim perayaan dan cuti sekolah, pemulihan yang stabil dalam pengembara antarabangsa dan peningkatan dalam aktiviti mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE)

Ia dirangsang lagi dengan inventori penuh 460 bilik di Hotel Sunway Resort yang baru diubah suai sejak Julai 2023 berikutan pembukaan semula secara berperingkat pada Mei 2022, kata kenyataan itu.

Bagi tempoh sembilan bulan terkumpul berakhir 30 September 2023, ia mencatatkan keuntungan bersih lebih rendah pada RM260.62 juta daripada RM272.74 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Bagaimanapun, ia merekodkan perolehan lebih tinggi pada RM525.17 juta berbanding RM464.71 juta sebelumnya.

"Walaupun prestasi segmen hotel masih belum kembali sepenuhnya ke tahap sebelum pandemik, Sunway REIT Management optimis ia akan meneruskan trajektori pertumbuhan yang kukuh pada suku akhir 2023," katanya.